

**PENEROKAAN POTENSI PENCERITAAN DIGITAL TERHADAP MOTIVASI
PELAJAR SEKOLAH RENDAH LUAR BANDAR
DALAM PEMBELAJARAN
BAHASA INGGERIS**

AMJAD ANAS BIN ABD MALEK

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MULTIMEDIA)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015

ABSTRAK

Kajian ini meneroka potensi penggunaan penceritaan digital atau *digital storytelling* (DST) di dalam pembelajaran Bahasa Inggeris dari perspektif murid luar bandar sekolah rendah di SK Sungai Galah, Perak. Sebuah video telah dihasilkan oleh penyelidik yang diadaptasikan dari buku cerita yang bertajuk “Tidy Your Room, Tanya!”. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui pemerhatian di dalam bilik darjah dan makmal computer terhadap 19 orang murid, analisis bahan untuk memilih peserta kumpulan fokus dan menemubual 10 orang pelajar dalam kumpulan fokus bagi mengumpul data. Pendekatan naratif dan intepretatif telah digunakan bagi menganalisa data tersebut. Kajian ini telah berjaya mengenal pasti tiga tema utama iaitu; motivasi, pembelajaran dan potensi. DST telah dilihat sebagai bahan yang berpotensi untuk membantu menarik minat pelajar untuk mempelajari Bahasa Inggeris di sekolah rendah



EXPLORING THE POTENTIAL OF DIGITAL STORYTELLING TOWARDS RURAL PRIMARY SCHOOL STUDENTS' MOTIVATION IN LEARNING ENGLISH

ABSTRACT

This study explores the potential use of the digital storytelling (DST) in the teaching of English from the perspective of rural primary school pupil at SK Sungai Galah, Perak. A video has been produced by researcher adapted from a story book entitled "Tidy Your Room, Tanya!". This study used qualitative methods through observation on 19 pupils while in their classroom and computer lab, content analysis to identify the participants of the focus group on 10 pupils in order to collect data. Narrative and interpretive approaches were opted to analyse the data. From this study, the researcher was able to identify three main themes: motivation, learning and potential. DST has been seen as a potential material to help motivate students to learn English in primary school



KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI LAMPIRAN	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar belakang kajian	5
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Objektif kajian	9
1.4 Persoalan kajian	9

1.5	Limitasi kajian	10
1.6	Definisi Operasional	11
1.6.1	Potensi	11
1.6.2	Penceritaan Digital	11
1.6.3	Motivasi	12
1.6.3	Pembelajaran Bahasa Inggeris	12
1.7	Reka bentuk kajian secara umum	12
1.8	Kesimpulan	15

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0	Pengenalan	16
2.1	Teori-teori berkaitan	18
2.1.1	<i>Technological Pedagogical</i>	
	<i>Content Knowledge</i>	18
2.1.2	Teori pembacaan dan kefahaman Bahasa Inggeris	21
2.1.3	Teori pembelajaran berasaskan multimedia	24
2.2	Penceritaan	
2.2.1	Definisi penceritaan	31
2.2.2	Penceritaan dalam bilik darjah dan potensi	32
2.3	Penceritaan digital	
2.3.1	Pengenalan	38
2.3.2	Definisi penceritaan digital	39
2.3.3	Perkembangan penggunaan penceritaan	

digital dalam pengajaran dan pembelajaran 43

2.3.4 Penceritaan digital di dalam bilik darjah

dan potensi 46

2.4 Intergrasi penceritaan digital dalam subjek Bahasa
Inggeris

2.4.1 Persekitaran pembelajaran dan pengajaran

Bahasa Inggeris 50

2.4.2 Penceritaan dalam subjek Bahasa Inggeris 53

2.4.3 Penceritaan digital dalam subjek Bahasa

Inggeris dan potensi 55

2.5 Kesimpulan 60

BAB 3 PEMBANGUNAN VIDEO PENCERITAAN DIGITAL

3.0 Pengenalan 62

3.1 Model Rekabentuk Multimedia Reeves 63

3.1.1 Peringkat analisa 64

3.1.2 Peringkat rekabentuk 64

3.1.3 Peringkat pembangunan 66

3.1.4 Peringkat penilaian 69

3.2 Kesimpulan 70

BAB 4 METODOLOGI KAJIAN

4.0 Pengenalan 71

4.1 Latar belakang fizikal kajian 72

4.2	Kesahan dan kebolehpercayaan	72
4.2.1	Kesahan	73
4.2.2	Kebolehpercayaan	74
4.3	Proses pengumpulan data	74
4.3.1	Pemerhatian	75
4.3.2	Kumpulan berfokus	84
4.3.3	Analisa dokumen	89
4.4	Kesimpulan	93
 BAB 5	 DAPATAN KAJIAN	
5.0	Pengenalan	94
5.1	Analisis dapatan	95
5.1.1	Pemerhatian	96
5.1.2	Temubual kumpulan berfokus	113
5.1.2.1	Motivasi	115
5.1.2.2	Pembelajaran	117
5.1.2.3	Penceritaan digital sebagai aktiviti pembelajaran Bahasa Inggeris	120
5.2	Kesimpulan	123
 BAB 6	 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
6.0	Pengenalan	124
6.1	Penceritaan digital dan motivasi pelajar	125
6.1.1	Kepelbagaian kaedah motivasi	126

6.2	Penceritaan digital dan potensi pembelajaran	128
6.2.1	Rangka perancangan untuk guru	129
6.2.2	Elemen DST membantu kefahaman	131
6.3	Penceritaan digital sebagai satu kaedah ICT yang berkesan	133
6.4	Permasalahan yang timbul ketika kajian	
6.4.1	Isu teknikal	135
6.4.2	Tahap pemikiran murid	135
6.5	Cadangan untuk kajian lanjutan	136
6.6	Kesimpulan	137
6.7	Penutup	138
	RUJUKAN	139
	LAMPIRAN	



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
5.1	Kategori untuk tema ‘motivasi’	116
5.2	Tafsiran kategori untuk tema motivasi	117
5.3	Kategori untuk tema ‘pembelajaran’	118
5.4	Tafsiran kategori untuk tema pembelajaran	119
5.5	Kategori untuk tema ‘DST sebagai aktiviti pembelajaran Bahasa Inggeris’	121
5.6	Tafsiran kategori untuk tema DST sebagai aktiviti pembelajaran Bahasa Inggeris	122

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Metodologi kajian	14
2.1 Model TPCK	19
2.2 Model TPCK yang diubahsuai	21
2.3 Model Pemprosesan Maklumat oleh Mayer (2002)	30
2.4 Gambaran penceritaan oleh Ohler sebagai panduan jalan cerita	41
3.1 Muka hadapan buku cerita <i>Tidy Your Room, Tanya!</i>	63
3.2 Contoh papan cerita untuk video <i>DST Tidy Your Room, Tanya!</i>	65
3.3 Paparan perisian <i>Audacity</i> untuk Windows	67
3.4 Paparan <i>Adobe Photoshop CS5</i> untuk suntingan imej	68
3.5 <i>Screenshot</i> perisian <i>Ulead Video Studio 11</i> yang menunjukkan kedudukan <i>timeline</i> , butang import dan paparan	69
4.1 Kaedah Pengumpulan dan Analisis Data	75
4.2 Kedudukan kamera dalam kelas ketika proses pemerhatian	78
4.3 Kedudukan kamera dalam makmal komputer ketika proses pemerhatian	79
4.4 Kedudukan kamera ketika temubual berfokus berlaku	79
4.5 Situasi pemerhatian yang dilakukan dalam kelas ketika pengajaran berlaku	81
4.6 Situasi pemerhatian yang dilakukan di dalam makmal komputer ketika penggunaan video DST	81

No. Rajah**Muka Surat**

4.7	Contoh nota lapangan yang ditulis ketika proses pemerhatian	83
4.8	Temubual kumpulan berfokus sedang berlangsung	85
4.9	Buku laporan <i>School Based Oral Assessment</i> (SBOA)	91
4.10	Jadual konstruk, gred dan kriteria pemarkahan	92
4.11	Contoh Rekod Pencapaian Murid	92
5.1	Rancangan pengajaran harian Bahasa Inggeris	97
5.2	Sesi pembentangan bersama 'puppet' oleh murid	100
5.3	Nota lapangan dari pemerhatian dalam bilik darjah	101
5.4	Murid menunggu rakan yang belum siap aktiviti	105
5.5	Nota lapangan dari pemerhatian dalam makmal komputer	106
5.6	Murid menggunakan buku cerita sebagai rujukan ketika menonton video DST	110
5.7	Penggunaan 'headphone' tontonan kali kedua video DST	111
5.8	Reaksi spontan murid ketika monton video DST	112

SENARAI LAMPIRAN

- A Transkrip Temubual Kumpulan Fokus
- B Papan Cerita Video Penceritaan Digital *Tidy Your Room, Tanya!*
- C Skrip untuk video DST yang bertajuk *Tidy Your Room, Tanya!*
- D Surat Kelulusan Khas dari Kementerian Pendidikan Malaysia
- E Surat Kebenaran dari Jabatan Pendidikan Negeri Perak

SENARAI SINGKATAN

DST	Digital Storytelling
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
MBMMBI	Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasakan Bahasa Inggeris
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
TCPK	<i>Technology, Pedagogy and Content Knowledge</i>
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
SBOA	School Based Oral Assessment

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Kualiti penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan murid sekolah rendah luar bandar sering menjadi perbualan umum di kalangan cendekiawan mahupun masyarakat walaupun keputusan peperiksaan umum yang diumumkan saban tahun meningkat. (Sinar Harian, 2013). Ada yang beranggapan bahawa guru-guru yang mengajar mata pelajaran tersebut kurang berketrampilan dan belum mampu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan sempurna (Mohd Aidil, 2009).

Tugas guru pada dasarnya mempunyai dua bahagian yang penting iaitu mendidik dan mengajar (Berita Harian, 2008). Mendidik dalam erti lain, menanamkan nilai-nilai tersebut, keimanan, sopan santun dan sebagainya dengan cara mengintegrasikan di dalam mata-mata pelajaran yang berkenaan. Untuk mengajar pula, guru diharapkan dapat merencana, melaksana dan menilai penguasaan ilmu pengetahuan oleh murid sesuai dengan mata pelajaran yang diajarnya. Keberhasilan tugas guru dalam jangka masa pendek dapat dilihat pada akhir sesi pengajaran dan pembelajaran melalui ujian formatif, ujian sumatif ataupun peperiksaan awam di dalam sistem pendidikan itu sendiri (Garrison & Ehringhaus, 2007).

Pada tahun 2011, kerajaan telah memperkenalkan satu dasar baru iaitu 'Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasakan Bahasa Inggeris' (MBMMBI) dengan satu tujuan iaitu untuk meletakkan Bahasa Melayu di tempat yang sesuai, bertepatan dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub di dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia. Manakala memperkukuhkan Bahasa Inggeris pula dengan memantapkan penggunaannya sebagai bahasa wajib dipelajari, bahasa komunikasi dan bahasa ilmu di peringkat nasional dan antarabangsa (KPM, 2011).

Berpandukan dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan ini, aspek penggunaan Bahasa Inggeris telah diperluaskan bagi memastikan lahirnya sumber modal insan yang berkualiti untuk memahami sebarang ilmu yang dipelajari hingga ke peringkat antarabangsa.

Guru bukan sahaja dituntut untuk menggunakan kecekapannya sebagai tenaga pengajar dan pendidik untuk menyampaikan ilmu kepada murid-murid dan dengan meningkatkan pengetahuan, sikap dan keterampilan, guru mampu mencerdaskan

pemikiran anak-anak didiknya dengan maklumat terkini dalam memenuhi keperluan semasa yang di era globalisasi (Zamri, Rahimi & Juliawati, 2009)

Ramai guru menghadapi masalah dalam menyajikan teknik pengajaran dan pembelajaran yang menarik untuk anak-anak muridnya (Yahaya, 2010). Sebagai contoh, mereka menghadapi masalah untuk mengembangkan idea, menggunakan bahasa yang betul, penguasaan subjek yang diajar, penggunaan teknik mengajar yang betul dan penggunaan media yang sesuai bagi penyampaian maklumat yang lebih efektif. Semua cabaran yang dinyatakan ini berkisar dan berhubung mengenai kompetensi guru.

Jika dilihat kepada keperluan dasar MBMMBI, penekanan terhadap Bahasa Inggeris tidak pernah diambil mudah oleh pihak kerajaan. Bahasa Inggeris diharapkan dapat digunakan dalam pelbagai keperluan termasuklah komunikasi, penulisan dan kesusasteraan. Guru-guru telah cuba dilengkapkan dengan pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas bagi memastikan objektif dasar ini akan tercapai (KPM, 2011).

Apa yang terjadi sekarang, jurang antara penguasaan Bahasa Inggeris murid bandar dan murid luar bandar masih lagi luas walaupun pengurangannya tetap ada namun sedikit (Siti Stapa, Bakar, & Latiff, 2007). Keterampilan berbahasa dengan baik secara lisan ataupun penulisan sering diabaikan tanpa dipacu ke arah penggunaannya dalam situasi sebenar.

Di sekolah rendah, *Contemporary Literature in English* telah pun diajar untuk murid-murid tahap dua (tahun empat, tahun lima dan tahun enam) sebagai salah satu sub-subjek dalam Bahasa Inggeris. Tujuan ianya diajar di sekolah adalah untuk

memupuk semangat membaca terutamanya bagi buku-buku Bahasa Inggeris, memperkayakan kosa kata dan memberi kefahaman yang lebih luas kepada murid-murid yang terlibat (KPM, 2011).

Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan kurikulum persekolahan baharu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai 2014 dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada 2017 dalam usaha melonjak sistem pendidikan negara (KPM, 2011).

Kurikulum baharu ini dirangka berdasarkan tanda aras antarabangsa bagi memastikan murid dan pelajar yang dilahirkan oleh sistem persekolahan di negara ini memiliki kemahiran yang diperlukan untuk bersaing di peringkat global. Ia merangkumi dimensi intelek, emosi dan fizikal setiap murid serta menekankan aplikasi pengetahuan serta perkembangan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif selain memberi peluang melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan kurikulum. Pelaksanaan kurikulum baharu ini pula akan melalui tiga fasa iaitu gelombang satu (2012-2015) iaitu fasa persediaan, gelombang kedua (2016-2020) iaitu fasa pelaksanaan dan gelombang ketiga (2021-2025) iaitu fasa pentaksiran (KPM, 2011).

KSSR adalah reka bentuk kurikulum berasaskan enam tunjang iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan, Perkembangan Fizikal dan Estetika; Sains dan Teknologi serta Keterampilan Diri. KSSR menggunakan Elemen Kreativiti dan Inovasi, Keusahawanan dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) secara eksplisit dengan memfokuskan kepada 4M (membaca, menulis, mengira dan menaakul) (KPM, 2011).

Proses tranformasi ini memberi impak yang efektif terhadap proses pembelajaran murid-murid di sekolah rendah termasuklah kepada murid luar bandar.

Melalui tunjang ke lima KSSR, Sains dan Teknologi, guru-guru diberi peluang untuk mempelbagaikan kaedah penyampaian pengajaran mereka manakala murid berpeluang untuk mendapat input pembelajaran yang ampuh dan berkesan (KPM, 2011).

Pendekatan kerajaan yang sedaya upaya melengkapkan setiap sekolah di negara ini dengan kemudahan peralatan berteknologi tinggi dilihat salah satu usaha untuk membantu guru menggunakan kemudahan yang disediakan itu sebaik mungkin untuk proses pengajaran dan pembelajaran (KPM, 2011). Guru-guru wajar mengambil peluang ini untuk mempelbagaikan lagi kaedah penyampaian pengajaran. Penyelidik yang juga seorang guru, secara tidak langsung telah terlibat dengan proses transformasi yang dilaksanakan oleh kerajaan ini.

1.1 Latar belakang kajian

Perbincangan sebelum ini berkenaan definisi serta permasalahan yang diperolehi dari kajian-kajian sebelum sebenarnya adalah cerminan kepada pengalaman penyelidik sendiri yang telah menggunakan DST ini di dalam bilik darjah. Pengalaman beberapa tahun serta penglibatan dalam penghasilan produk-produk seperti ini memberikan penyelidik sedikit pengajaran dan pengetahuan berkenaan situasi sebenar yang berlaku di dalam kelas. Kajian ini melibatkan meta-refleksi (pandangan dari pelbagai sudut) pelajar mengenai DST dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Penyelidik mahu meneroka bagaimana kumpulan sasaran memberi pendapat dan juga

menceritakan pengalaman berkaitan penggunaan teknik DST dalam proses pembelajaran mereka.

Dari pengalaman awal ketika di sekolah, penyelidik mendapati kebanyakan pelajar, termasuklah kumpulan sasaran (murid luar bandar) sangat meminati aktiviti yang berkaitan dengan komputer. Seorang professor dari Auckland University, John Hattie (2010) telah merumuskan hampir 800 meta-analisis yang berkaitan dengan pencapaian pelajar. Menurut beliau, *“computers can increase the probability of learning, but there is no necessary relations between having computers, using computers, and learning outcomes”*. Dari dapatan Hattie ini, ianya amat menarik untuk penyelidik bagi meneroka lebih lanjut pengalaman murid-murid setelah menggunakan DST secara khusus sebagai aktiviti pembelajaran yang melibatkan penggunaan komputer.

Setakat ini, tidak banyak kajian di peringkat kementerian atau nasional yang telah dijalankan ke atas penggunaan DST dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua. Namun begitu, penyelidik menemui banyak kajian yang dijalankan di luar negara seperti di Amerika Syarikat, Mesir, Taiwan dan Jepun. Walaupun aspek-aspek pembelajaran ini dianggap universal dan mampu diaplikasikan di dalam negara ini, penyelidik percaya, kajian yang dijalankan di dalam negara sendiri dan menggunakan sampel-sampel yang asli adalah lebih meyakinkan dan telus untuk dijadikan panduan penggunaan di masa hadapan.

Kajian-kajian yang telah dilaksanakan di luar negara juga kebanyakannya melibatkan penggunaan DST dalam pengajaran dan pembelajaran adalah secara umum tanpa mengaitkan dengan subjek-subjek khusus (perbincangan lanjut mengenai isu ini seperti mana yang terdapat dalam bab Sorotan Kajian) dan jarang dilakukan

dari perspektif emik iaitu berkaitan dengan pandangan pelajar atau murid itu sendiri.

DST sering dianggap sebagai penyumbang suara kepada pendengar, dan selari dengan itu, penyelidik mengharapkan kajian ini dapat menyumbangkan 'suara' kepada pelajar atau murid yang menggunakan DST, seterusnya guru seperti penyelidik juga dapat belajar dari refleksi yang disampaikan oleh mereka.

1.2 Pernyataan Masalah

Di sekolah kebangsaan, *Contemporary Literature in English* telah diajar untuk murid-murid tahap dua (tahun empat, tahun lima dan tahun enam) sebagai salah satu sub-subjek dalam Bahasa Inggeris. Tujuannya adalah untuk memupuk semangat membaca terutamanya terhadap buku-buku Bahasa Inggeris, memperkayakan kosa kata dan memberi kefahaman yang lebih luas kepada murid-murid yang terlibat.

Tahap penguasaan murid dalam sesuatu bahasa selalunya diukur dengan kebolehan mendengar, bertutur, membaca dan menulis (KPM, 2011). Dalam huraian sukatan Mata Pelajaran Bahasa Inggeris, penekanan diberikan kepada keempat-empat kemahiran tersebut (KPM, 2011). Walau bagaimanapun, penilain yang dibuat di peringkat sekolah dan peringkat kebangsaan, mendapati peratusan penilaian lebih menjurus kepada pembacaan dan penulisan.

Kebanyakan guru menghadapi masalah untuk mengaplikasikan keempat-empat kemahiran tersebut ketika mengajar subjek Bahasa Inggeris (Hiew, 2012) seterusnya menggunakannya di dalam *Contemporary Literature in English*.

Untuk *Contemporary Literature in English*, beberapa buku cerita telah disediakan sesuai dengan tahap pembacaan murid-murid ini mengikut tingkat darjah mereka. Bagi murid di Tahun Empat, antara buku-buku yang disediakan termasuklah,

Tidy Your Room, Tanya! The Little Blue Boy dan Tales and Tails. Murid Tahun Lima pula, buku-bukunya terdiri daripada *Mr Stofflees and The Painted Tiger, Anansi and Turtle Share Dinner dan Poems in Your Pocket*. Untuk murid Tahun Enam pula, buku-bukunya adalah seperti berikut *Clever Katya, Dan's Secret Weapon Year 6, The Case of the Missing Maths dan The Perfect*.

Dalam dunia sains dan teknologi masa kini, bahan pembelajaran bukan sahaja terhad kepada buku teks dan alat tulis serta pengajaran secara tradisional semata-mata malah meliputi bahan bantu mengajar (BBM) berasaskan teknologi maklumat seperti komputer, internet, LCD, CD Rom, kamera digital dan sebagainya (Norhayati, 2011). Norhayati (2011) juga menegaskan teknologi komputer, komunikasi dan teknologi maklumat merupakan suatu yang amat diminati dan menarik perhatian generasi muda sekarang ini kerana bagi mereka kandungan yang dipaparkan dalam perisian komputer merupakan suatu yang logik dan ilmiah serta sesuai dengan zaman sekarang. Dengan ini, jika guru Bahasa Inggeris berkebolehan dalam mengendalikan teknologi dalam proses pengajaran mereka, pelajar akan merasa kagum dan seterusnya meminati pelajaran Bahasa Inggeris dan secara tidak langsung mereka dapat menguasai bahasa tersebut dengan baik. Ini bertepatan dengan pandangan Norhayati Hashim (2008) yang menyatakan kehebatan 'karamah' seorang guru pada hari ini sangat bergantung kepada penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.

Kajian ini cuba meneroka sejauh mana potensi penceritaan digital atau *digital storytelling* (DST) dapat memberi impak kepada motivasi dan minat murid luar bandar terhadap bahan-bahan bacaan Bahasa Inggeris. Dari pandangan murid pula, adakah ianya sesuai digunakan sebagai bahan tambahan untuk mereka menambah kefahaman bahan bacaan yang mereka baca? Secara umum, kajian ini bertujuan

untuk mengetahui potensi DST terhadap murid sekolah rendah luar bandar setelah menggunakannya sebagai bahan tambahan dalam pembelajaran Bahasa Inggeris.

1.3 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengkaji sejauhmana teknologi moden umumnya dan DST khususnya sesuai digunakan sebagai bahan bantu mengajar dalam pembelajaran bahasa Inggeris serta dapat membantu murid untuk menguasai bahasa tersebut sebagai bahasa kedua.

Objektif khusus kajian ini ialah:

- Mengkaji keberkesanan penggunaan ICT di dalam bilik darjah melalui DST
- Menganalisa potensi DST dalam meningkatkan motivasi pelajar sekolah rendah luar bandar mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua

1.4 Persoalan Kajian

Seperti mana yang telah dinyatakan dalam penulisan awal, tujuan kajian ini dilaksanakan secara umumnya adalah untuk meneroka dan menganalisa potensi DST sebagai alat untuk membantu mereka mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Oleh yang demikian, persoalan kajian utama untuk penyelidikan ini adalah:

- *Sejauh manakah DST menjadi salah satu contoh yang baik dalam penggunaan ICT di dalam bilik darjah?*
- *Bagaimanakah pendekatan DST dapat membantu murid luar bandar untuk pupuk motivasi mereka mempelajari Bahasa Inggeris?*

Adakalanya murid-murid mempunyai pendapat mereka sendiri yang kukuh untuk memilih kaedah-kaedah yang mereka rasakan berkesan dalam pembelajaran. Oleh yang demikian, penyelidik berminat untuk meneroka lebih lanjut berkenaan potensi yang dapat diketengahkan misalnya minat dan motivasi pelajar yang terhasil apabila DST digunakan dalam aktiviti pembelajaran. Penyelidik turut berminat untuk meneroka sama ada murid dapat meluahkan refleksi mereka terhadap potensi lain DST andainya mereka tidak melihatnya sebagai salah satu faktor motivasi dalam pembelajaran.

1.5 Limitasi kajian

Tujuan penyelidikan ini bukan untuk mengukur tahap pencapaian murid setelah mereka menggunakan DST di dalam pembelajaran mereka atau memberi fokus kepada fenomena DST itu sendiri. Fokus kajian penyelidik adalah pada aspek pembelajaran Bahasa Inggeris yang menggunakan DST oleh murid. Ini bermakna, tiada markah pencapaian ataupun penghasilan DST yang akan dipersembahkan di dalam kajian ini.

Kajian terhad untuk melihat kepada refleksi murid terhadap potensi DST dalam pembelajaran apabila ianya digunakan dalam pembelajaran. Andainya mereka mampu menjawab beberapa soalan dengan betul dalam beberapa aktiviti yang bakal diberikan, ianya tidak akan dibincangkan secara menyeluruh dan terperinci. Seperti mana yang telah ditegaskan oleh Hattie (2010), untuk mencapai pencapaian akademik yang cemerlang, ia tidak semestinya bergantung kepada satu kaedah semata-mata, dalam konteks ini penggunaan DST, walau bagaimanapun, murid-murid harus dipersembahkan dengan pelbagai kaedah untuk mereka pilih dalam proses pembelajaran mereka.

1.6 Definisi Operasional

Kajian menjadi lebih bermakna dan bernilai sekiranya tajuk kajian difahami dan tidak disalah tafsirkan. Definisi ini perlu supaya kita memahami secara jelas dan terperinci maksud sebenar tajuk kajian ini serta memudahkan kita memahami perbincangan dalam bab yang seterusnya. Oleh yang demikian penyelidik mendefinisikan beberapa istilah yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan.

1.6.1 Potensi

Mengikut laman Pusat Rujukan Persuratan Melayu @ DBP Malaysia (2008), potensi didefinisikan sebagai kemampuan utk mencapai, menghasilkan, atau melakukan sesuatu. Perkataan potensi dalam konteks ini merujuk kepada kemampuan penceritaan digital dalam meningkatkan motivasi murid sekolah rendah luar bandar dalam pembelajaran Bahasa Inggeris.

1.6.2 Penceritaan Digital

Penceritaan digital merupakan penyampaian cerita menerusi peralatan komputer dan teknologi multimedia. Penceritaan digital atau *Digital Storytelling* (DST) dalam konteks ini merujuk kepada sebuah video penceritaan yang diadaptasikan dari sebuah buku cerita yang berjudul '*Tidy Your Room, Tanya!*' yang digunakan oleh murid tahun empat.

1.6.3 Motivasi

Motivasi adalah sesuatu yg membuat atau mendorong seseorang berusaha atau melakukan sesuatu dgn penuh minat (PRPM, 2008). Perkataan motivasi dalam